

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : UPACARA PEMBUKAAN RASMI PAMERAN PANDU PUTERI
Lokasi : DEWAN PANDU PUTERI, BRICKFIELDS, KUALA LUMPUR
Tarikh : 06-11-1982

Yang Amat Berbahagia Datin Patinggi Laila Taib;

Yang Berbahagia Senator Puan Sri Athi Nahappan;

Puan Hajah Hendon bte Haji Din, Ketua Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri;

Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Negeri;

Tetamu Kehormat;

Ahli-ahli Pergerakan Pandu Puteri;

Tuan-tuan dan Puan-Puan.

Saya berasa bangga kerana dijemput untuk menghadiri dan seterusnya merasmikan pembukaan Pameran Pandu Puteri pagi ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur pameran ini kerana memberi saya peluang melakukan upacara pembukaan Pameran sebentar lagi.

2. Pameran ini menggambarkan kejayaan Pergerakan Pandu Puteri selepas sesuku abad Malaysia merdeka dari dijajah. Saya yakin bahan-bahan yang dipamerkan adalah selaras dengan tema hari kemerdekaan kita baru-baru ini iaitu 'Disiplin Giat Maju'. 'Semangat Pandu Puteri' atau 'Guiding Spirit' adalah sentiasa membawa erti disiplin, usaha dan maju, dan semangat ini telah memandu Pergerakan Pandu Puteri sebagai salah satu pergerakan yang maju di negara kita.

3. Pergerakan Pandu Puteri telah mengalami berbagai perubahan masa sesuku abad ini. Dahulu Pergerakan ini selalunya dikaitkan dengan kegiatan yang menghiburkan dan menyeronokkan seperti mengadakan perkhemahan dan nyanyian. Perubahan yang dilalui telah membawa Pergerakan Pandu Puteri ke arah memberi kebajikan kepada ahli-ahli Pandu Puteri keseluruhannya. Walaupun unsur bergembira dan berseronok sesama sendiri dalam Pergerakan masih terdapat, tetapi unsur disiplin, tanggungjawab, dan mengajar kemahiran seperti memasak, melukis dan gubahan telah ditekankan.

4. Walau bagaimanapun, saya berpendapat pergerakan ini mungkin dapat melibatkan diri dalam perkhidmatan masyarakat dengan lebih pesat lagi daripada yang diamalkan sekarang. Adalah diharapkan lebih ramai ahli-ahli Pergerakan ini terlibat dalam projek-projek membantu orang cacat, orang tua dan mereka yang kurang bernasib baik.

5. Negara kita memang bertuah kerana Kerajaan kita telah memainkan peranan penting bagi meringankan beban hidup mereka yang kurang bernasib baik. Di samping itu terdapat juga beberapa badan sukarela yang telah menghulur bantuan, sama ada kewangan atau titik peluh, dari masa ke semasa.

Walau bagaimanapun banyak lagi usaha boleh kita jalankan supaya kehidupan mereka akan menjadi lebih selesa dan terjamin. Sesuai dengan harapan ini, saya yakin ahli-ahli Pandu Puteri yang begitu ramai dapat merancang untuk memainkan peranan yang lebih bermakna terhadap masyarakat amnya, dan yang kurang bernasib baik khususnya. Cara ini bukan sahaja akan membolehkan ahli-ahli Pandu Puteri lebih memahami keperluan dan harapan anggota masyarakat kita, bahkan penglibatan diri cara ini akan menjadikan anggota masyarakat mempunyai persepsi dan tanggapan yang sesuai dengan Pergerakan Pandu Puteri keseluruhannya.

6. Menyentuh tentang pameran ini sekali lagi, saya yakin bahawa Semangat Pandu Puteri, yang akan terjelma melalui bahan-bahan yang dipamerkan, akan menggalakkan semua ahli-ahli mencapai kejayaan yang lebih pesat lagi. Ibu-bapa yang mempunyai anak di dalam Pergerakan Pandu Puteri akan berasa bangga dan ibu-bapa yang lain pula tidak akan menghalang anak-anak mereka menjadi ahli Pergerakan ini pada masa hadapan, bahkan akan memberi galakan pula.

7. Akhir kata, saya mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Penganjur atas usaha yang terpuji ini. Saya juga mengucapkan syabas kepada ahli-ahli Pandu Puteri yang telah bersama-sama menjayakan Pameran ini.

8. Dengan ini saya dengan sukacita membuka Pameran Pandu Puteri ini dengan rasminya.

Terima kasih.